

Headline	Gembira raya di rumah sendiri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	L-16	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,267



Gembira raya di rumah sendiri

► Kuala Lumpur

“Saya gembira kerana bakal meraikan lebaran di rumah sendiri bersama suami dan empat anak pada tahun ini,” kata seorang asnaf yang terpilih menerima sumbangan rumah daripada Lembaga Tabung Haji (TH).

Ani Maizurah Abdullah, 25, berkata sebelum ini, beliau bersama anak berusia antara empat bulan hingga lapan tahun hanya menumpang teduh di rumah saudara-mara kerana hidup serba kekurangan.

“Pendapatan suami yang bekerja sebagai tukang cuci secara kontrak dengan pendapatan RM800 sebulan hanya cukup untuk makan minum kami sekeluarga.

Berpindah-randah

“Kami terpaksa menumpang saudara-mara dengan berpindah dari sebuah rumah ke rumah yang lain kerana tidak mahu membebankan sesiapa,” katanya yang tinggal di Kampung Orang Asli Sungai Judah, Kuala Langat.

Ani Maizurah yang sudah memohon rumah daripada Lembaga Zakat Selangor sejak tahun 2007, berkata tidak sabar meraikan Aidilfitri di rumah baharu berkenaan.

Beliau adalah seorang daripada tujuh asnaf lain yang menerima sumbangan rumah Projek Baiti di bawah program khidmat masyarakat TH.

Bantu golongan memerlukan

Sementata itu, Ahli Lembaga Pengarah TH, Tan Sri Hashim Meon, berkata program itu bertujuan membantu membina atau membaik pulih kediaman golongan fakir miskin.

“Pada tahun ini, TH dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berjaya menyiapkan lapan rumah dengan peruntukan agihan sebanyak RM450,000 untuk golongan asnaf miskin terpilih,” katanya yang turut menyerahkan zakat berjumlah RM130,000 kepada 260 penerima, termasuk lapan penerima sumbangan rumah itu pada majlis berkenaan.

Turut hadir, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TH, Datuk Rozaida Omar dan Pengarah TH Selangor, Aishah Abdul Samad.

Headline	Gembira raya di rumah sendiri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	L-16	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,267

“
 Kami terpaksa
 menumpang
 saudara-mara
 dengan berpindah
 dari sebuah rumah
 ke rumah yang lain
 kerana **tidak mahu
 membebankan
 sesiapa**”

Ani Maizurah Abdullah,
 Penerima sumbangan rumah



Hashim (kanan) bersama Pengurus Besar Pejabat Sumber Manusia dan Pentadbiran, Lembaga Zakat Selangor, Amran Zakaria **menyampaikan plak simbolik** penyerahan Projek Baiti TH kepada Ani Maizurah di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya. [FOTO ROSELA ISMAIL /BH]